Mesej Empat

Waris Tuhan

Bacaan Bible: Gal. 3:29; 4:7; Roma 8:17; Ef. 1:18; Tit. 3:7

I. Waris ialah orang yang mempunyai hak yang sah untuk mewarisi hartanah, aset, atau harta milik orang lain selepas kematiannya.

II. *Waris* secara literal bermakna "orang yang dilantik untuk menerima warisan".

III. Percayawan menjadi waris:

A. Memandangkan kita diperbarui menerusi kelahiruan untuk menerima esens divin, maka kita juga dijadikan waris Tuhan yang layak mewarisi harta Tuhan Bapa (Roma 4:14; 8:17; Gal. 3:29; 4:7), menurut harapan hayat abadi (Tit. 3:7).

B. Hayat abadi, iaitu kenikmatan kita pada zaman ini dan harapan kita pada zaman akan datang, bukan sahaja untuk kita hidup dan menikmati Tuhan pada zaman ini, tetapi juga untuk kita mewarisi segala kekayaan apanya Tuhan bagi kita pada zaman akan datang dan dalam keabadian; dengan itu, kita mempunyai harapan hayat abadi.

C. Menurut harapan ini, kita dijadikan waris Tuhan untuk mewarisi segala kekayaan-Nya hingga keabadian.

IV. Dalam Bible, waris ialah orang yang menerima hartanah secara sah:

A. Waris Tuhan ialah penerima janji atau warisan daripada Tuhan, yang dilahirkan ke dalam keluarga-Nya menerusi iktikad dalam Kristus.

B. *Waris Tuhan* menandakan mewarisi hayat abadi, kingdom Tuhan, dan berkat rohani, yang sering digambarkan sebagai waris bersama dengan Kristus.

C. Dalam Bible, waris ialah orang yang menerima warisan, lazimnya anak lelaki atau sanak saudara tertentu yang memperoleh pemilikan harta, hak, dan tanggungjawab bapa.

D. Dari segi rohani, ini merujuk kepada percayawan yang dilahirkan ke dalam keluarga Tuhan; mereka sebagai waris bersama dengan Kristus menerima janji-janji penyelamatan, hayat abadi, dan kingdom Tuhan.

V. Ayat-ayat berikut ialah ayat-ayat utama dalam Bible berkenaan "waris Tuhan":

A. "Jika anak, waris juga; dari satu segi, waris Tuhan; dari segi lain, waris bersama dengan Kristus, jika sesungguhnya kita menderita bersama dengan-Nya supaya kita juga dapat dimuliakan bersama dengan-Nya"—Roma 8:17:

1. Ini menunjukkan bahawa ada syaratnya untuk kita menjadi waris.
2. Bukan disebabkan kita ialah anak-anak Tuhan, maka kita ialah waris.
3. Sebaliknya, setelah kita dilahirkan sebagai anak-anak, kita harus bertumbuh dalam hayat untuk menjadi para anak, kemudian kita harus melalui penderitaan supaya kita dapat dimuliakan untuk menjadi waris yang sah.

B. "Kamu…anak, dan sekiranya anak, waris juga menerusi Tuhan"—Gal. 4:7:

1. Percayawan Wasiat Baru bukan lagi abdi kepada kerja-kerja di bawah hukum tetapi anak dalam hayat di bawah kurnia.
2. Percayawan Wasiat Baru menjadi waris Tuhan bukan menerusi hukum, dan bukan menerusi bapa kandung mereka, tetapi menerusi Tuhan, bahkan Tuhan Tritunggal—Bapa yang mengutus Anak dan Roh (ay. 4, 6); Anak yang menyempurnakan penebusan demi keanakan (ay. 5); dan Roh yang melaksanakan keanakan dalam kita (ay. 6).

Mesej Empat (sambungan)

C. "Jika kamu kepunyaan Kristus, maka kamu ialah benih Abraham, iaitu waris menurut janji"—3:29:
   1. Untuk menjadi benih Abraham, kita harus menjadi kepunyaan Kristus, yakni menjadi sebahagian daripada Kristus.
   2. Oleh sebab kita adalah satu dengan Kristus, maka kita juga ialah benih Abraham, iaitu waris menurut janji, yang mewarisi berkat yang dijanjikan Tuhan; berkat ini ialah Roh almuhit sebagai konsumasi muktamad Tuhan terproses yang juga merupakan bahagian kita.
   3. Di bawah wasiat baru, percayawan sebagai umat pilihan Tuhan, iaitu anak yang cukup umur, ialah waris sedemikian; mereka bukan di bawah hukum tetapi dalam Kristus.

VI. Sekarang kita akan melihat status percayawan sebagai waris Tuhan:

A. Kristus ialah Waris segala sesuatu (Ibr. 1:2), dan percayawan ditakdirkan untuk menjadi waris bersama dengan Kristus.

B. Selepas diselamatkan, kita menjadi anak-anak Tuhan, para anak Tuhan, pengambil bahagian sifat divin, dan waris Tuhan.

C. Apabila kita mencapai tahap pertumbuhan untuk menjadi waris bersama dengan Kristus, kita akan dimuliakan.

D. "Supaya kita yang telah dijustifikasikan melalui kurnia-Nya dapat menjadi waris menurut harapan hayat abadi"—Tit. 3:7:
   1. *Waris* dalam Titus 3:7 bukan sahaja merujuk kepada para anak, tetapi waris-waris yang layak mewarisi harta Bapa—Roma 4:14; 8:17; Gal. 3:29; 4:7.
   2. Waris-waris ini dilahirkan (Yoh. 1:12-13) daripada hayat abadi Tuhan (Yoh. 3:16).

E. Percayawan menjadi waris Tuhan menerusi kelahiruan dalam kebangkitan Kristus—11:25:
   1. Ketika Kristus dibangkitkan, kita, yakni percayawan-Nya, semuanya terangkum dalam-Nya; dengan demikian, kita dibangkitkan bersama dengan-Nya—Ef. 2:6.
   2. Dalam kebangkitan-Nya, Dia menyalurkan hayat divin ke dalam kita dan menjadikan kita sama seperti Dia dalam hayat dan sifat.
   3. Inilah faktor asas bagi kita dilahirukan untuk menjadi waris Tuhan.

F. Dalam status mereka sebagai waris Tuhan, percayawan berbahagian dalam Tuhan Tritunggal yang terjasad dalam Kristus bersama dengan semua pekudus dalam cahaya sebagai bahagian peruntukan mereka—Kol. 1:12.

G. Kisah 26:18 membicarakan pengampunan dosa-dosa dan warisan dalam kalangan mereka yang dikuduskan melalui iktikad dalam Kristus.

H. Warisan divin ini ialah Tuhan Tritunggal berserta segala yang dimiliki-Nya, segala yang telah dilakukan-Nya, dan segala yang akan dilakukan-Nya untuk umat yang ditebus-Nya.

I. Sebagai waris Tuhan, percayawan juga akan dimuliakan bersama dengan Kristus—Roma 8:17b:
   1. Kristus kini berada dalam kemuliaan.
   2. Akhirnya, kita akan dibawa ke dalam kemuliaan dan dimuliakan bersama dengan Kristus.
   3. Apabila kita dimuliakan, tubuh kita yang hina akan ditransfigur menjadi tubuh yang mulia—Flp. 3:21.
   4. Hayat yang kita miliki yang merupakan benih dalam kita ialah hayat kemuliaan; inilah Kristus dalam kita, harapan kemuliaan—Kol. 1:27.

Mesej Empat (sambungan)

5. Apabila kita diresapi dan ditepui elemen kemuliaan, kemuliaan itu akan keluar daripada kita; inilah makna bagi kita, iaitu waris Tuhan, dimuliakan bersama dengan Kristus.

J. Kenikmatan percayawan terhadap warisan divin akan berkonsumasi dengan dijadikan warisan Tuhan—Ef. 1:18:
   1. Sebagai waris Tuhan, percayawan ialah waris bersama dengan Kristus menurut janji dan harapan hayat abadi, menerusi justifikasi melalui kurnia Kristus dan kelahiruan dalam kebangkitan Kristus.
   2. Efesus 1:18 menunjukkan bahawa warisan Tuhan ada dalam pekudus.
   3. Sebagai orang yang merupakan warisan Tuhan, kita telah dimeterai dengan Roh Kudus—ay. 13.

K. Kita bersyukur kepada Tuan kerana membawa kita secara mendalam ke dalam kebenaran berkenaan percayawan sebagai waris Tuhan.

© 2026 Living Stream Ministry